

CIMB BANK  
BERHAD

(13491-P)

DAN

**PERJANJIAN PINJAMAN PERUMAHAN / RUMAH KEDAI PINJAMAN  
BERJANGKA**

Tarikh:

**PIHAK-PIHAK**

1. Bank : CIMB Bank Berhad (13491-P) beralamat di Tingkat 13 Menara CIMB, Jalan Stesen Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur.
2. Pelanggan : Pihak (pihak-pihak) yang dinamakan (nama-nama) dan penerangan (penerangan-penerangan) ialah/adalah seperti yang tertera di Seksyen 1 di Jadual 1.

**BAHAWASANYA**

Bank berikut dengan Surat Tawaran telah bersetuju untuk menyediakan atau terus menyediakan kepada Pelanggan Pinjaman berdasarkan kepada terma dan syarat terkandung selepas ini.

**DENGAN INI ADALAH DIPERSETUJUI BAHAWA:-**

**1. TAFSIRAN**

**1.1 Di dalam Perjanjian ini perkataan-perkataan berikut mempunyai maksud yang berikut:-**

- |  |  |
|--|--|
| Kadar Pemberian Pinjaman Asas (BLR) atau Kadar Asas (BR) | : Kadar faedah yang ditetapkan oleh Bank (dan sebagai BLR atau BR dan diubah dari semasa ke semasa) sebagai petunjuk terhadap kadar faedah bagi Pinjaman dan Pendahuluan yang dikira dan merangkumi kadar petunjuk tersebut atau apapun nama yang dipanggil oleh Bank.   |
| Gadaian  | : Gadaian di bawah Kanun Tanah Negara 1965 atau Ordinan Tanah Sabah (Cap 68) atau Kanun Tanah Sarawak (Bab 81) sepertimana yang digubal pada asalnya dan sebagaimana yang boleh dipinda dari semasa ke semasa termasuk perundungan tambahan atau subsidiari yang berkaitan di bawahnya, yang hendaklah dibuat mengikut kaedah dan kandungan yang boleh diterima oleh Bank. |
| Surat Ikatan Penyerahakkan :                             | Penyerahakkan untuk disempurnakan oleh Pelanggan dan/atau pihak pencagar yang menyerahkan Harta dan semua hak-hak, kepentingan dan/atau faedah daripada Perjanjian Jual Beli dan /atau Kontrak Pembinaan (yang mana terpakai) kepada Bank, hendaklah dalam bentuk dan isi kandungan yang diterima oleh Bank.   |

Kadar Ingkar	:	Kadar faedah ingkar seperti yang tertera di dalam Surat Tawaran, atau kadar ingkar lain yang ditetapkan mengikut budi bicara Bank dari semasa ke semasa.
Tarikh Luput Penggunaan Pinjaman	:	Kecuali dinyatakan sebaliknya di dalam peruntukan yang terkandung di dalam Surat Tawaran termasuk tetapi tidak dihadkan kepada peruntukan tentang kesediaan atau tempoh kesediaan untuk Pinjaman, Tarikh Luput Penggunaan Pinjaman adalah hari di mana selepas pembayaran penuh di bawah Perjanjian ini dilakukan, DENGAN SYARAT jika tiada pembayaran penuh dalam masa tiga puluh enam (36) bulan dari tarikh di dalam Surat Tawaran Bank, Tarikh Luput Penggunaan Pinjaman ialah tiga puluh enam (36) bulan dari tarikh Surat Tawaran Bank, atau tarikh yang dilanjutkan Bank dengan persetujuan Bank dalam notis bertulis.
Pinjaman	:	Pinjaman dibuat oleh Bank kepada Pelanggan di bawah Perjanjian ini.
Akaun Pinjaman	:	Akaun Pelanggan yang dikendalikan oleh Bank untuk menunjukkan keterhutangan terakru dan terhutang kepada Bank oleh Pelanggan di bawah Perjanjian ini.
Keterhutangan	:	Merangkumi sebarang jumlah (sama ada pada masa kini atau masa hadapan, sebenar atau kontingen, bercagar atau tidak bercagar) yang terhutang oleh Pelanggan kepada Bank (sama ada sebagai prinsipal atau penjamin, termasuk jumlah pokok, faedah, ingkar dan/atau faedah tambahan, premium, komisen, yuran dan lain-lain caj) sama ada dengan Perjanjian ini atau kemudahan masa hadapan.
Akta Insolvensi	:	Akta Insolvensi 1967 seperti mana yang digubal pada asalnya dan sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa termasuk mana-mana perundangan sampingan atau subsidiari yang berkaitan yang dibuat di bawahnya.
Surat Tawaran	:	Surat Tawaran seperti yang dilampirkan dalam Jadual 2 dan mana-mana Surat Tawaran Bank yang seterusnya berkaitan dengan Perjanjian ini dan diterima oleh Pelanggan dan mana-mana surat seterusnya yang dikeluarkan oleh Bank kepada Pelanggan berikutnya kepada Perjanjian ini.

---

Kadar Faedah Semasa :	Kadar Faedah Semasa seperti yang dinyatakan dalam Surat Tawaran atau kadar faedah lain yang mana Bank Mengikut budi bicaranya menyatakan dari semasa ke semasa.
Harta :	Tanah yang dijadikan sebagai cagaran untuk pembayaran balik Pinjaman yang diterangkan dalam Seksyen 2 di bawah Jadual 1, butiran- butiran yang tertakluk kepada hak Bank untuk pindaan atau pembetulan.
Tarikh Pembayaran Balik :	Secara bulanan dan tarikh pembayaran balik akhir seperti yang dinyatakan dalam Surat Tawaran, atau tarikh pembayaran balik yang lain di mana Bank boleh dengan budi bicaranya menyatakan dari semasa ke semasa.
Dokumen Cagaran :	Dokumen-dokumen cagaran yang dirujuk di dalam Surat Tawaran atau mana-mana dokumen untuk sementara waktu menjadi cagaran untuk Pinjaman, semua dalam bentuk dan isi yang diterima oleh Bank.
Kepentingan Cagaran :	Cagaran yang dinyatakan dalam Surat Tawaran ialah atau adalah untuk disediakan oleh Pelanggan dan atau Pihak Pengagar sebagai cagaran untuk pembayaran balik keter hutangan.
Pihak pengagar :	Pihak (pihak-pihak) seperti yang dinyatakan di dalam Seksyen 3 dalam Jadual 1 yang menyediakan Kepentingan Cagaran.
FSA :	Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sepetimana yang digubal pada asalnya dan sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa termasuk mana-mana undang-undang sampingan atau subsidiari yang berkaitan yang dibuat di bawahnya.
1.2	Rujukan kepada jantina maskulin merangkumi jantina feminin dan neuter dan sebaliknya dan rujukan terhadap nombor tunggal termasuk jumlah jamak dan sebaliknya.
1.3	Di mana dua atau lebih individu atau pihak adalah termasuk atau terdiri dalam sebarang pernyataan atau akuanji yang dinyatakan untuk dibuat kepada individu tersebut atau pihak yang sama mesti dikuatkuasakan secara bersesama dan berasingan.
1.4	Perkataan yang terpakai kepada individu mesti merangkumi sebarang badan individu, syarikat, perbadanan, firma atau perkongsian, korporat atau diperbadankan dan sebaliknya.
1.5	Kepala seksyen yang dimasukkan adalah untuk mempermudahkan sahaja dan tidak sama sekali menjelaskan tafsiran tersebut.

## 2. JUMLAH, TUJUAN DAN JANGKAMASA

### 2.1 Jumlah

Kewajipan Bank di bawah Perjanjian ini mesti tidak melebihi Jumlah Pinjaman yang ditentukan di dalam Surat Tawaran.

### 2.2 Tujuan

Pelanggan mestilah menggunakan Pinjaman yang diberikan untuk tujuan yang dinyatakan di dalam Surat Tawaran. Pihak Bank tidak bertanggungjawab untuk memastikan bahawa Pelanggan menggunakan Pinjaman bagi tujuan tersebut.

### 2.3 Jangkamasa Pinjaman Berjangka PB

Jangkamasa Pinjaman Berjangka PB adalah seperti yang dinyatakan di dalam Surat Tawaran, DENGAN SYARAT BAHAWA jika tiada pembayaran penuh PB dalam masa tiga puluh enam (36) bulan dari tarikh Surat Tawaran Bank, maka jangkamasa tersebut adalah tiga puluh enam bulan dari tarikh Surat Tawaran Bank tertakluk kepada penukaran automatik Pinjaman kepada OD mengikut terma yang muncul kemudian dari ini. Pihak bank boleh melanjutkan jangkamasa dengan notis bertulis kepada Pelanggan.

## 3. SYARAT-SYARAT DULUAN DAN PEMBAYARAN

### 3.1 Syarat Duluan

- (a) Pelanggan mesti mematuhi syarat duluan yang telah ditetapkan di dalam Jadual 3 di sini di mana dalam tempoh seratus lapan puluh (180) hari dari tarikh Surat Tawaran Bank atau sebarang tarikh yang dilanjutkan oleh pihak Bank dengan cara notis bertulis, jika gagal yang mana Bank berhak menarik balik Pinjaman.
- (b) Pembayaran atau penggunaan Pinjaman akan hanya dilakukan selepas semua syarat duluan dipenuhi dalam jangkamasa yang ditetapkan.

### 3.2 Penepian

Pihak Bank boleh mengenepikan sebarang syarat duluan tanpa memprejudiskan hak Bank untuk mendapatkannya kembali.

### 3.3 Pembayaran

- (a) Pelanggan memberi kuasa kepada Bank untuk membayar sebarang jumlah dalam cara dan mengikut terma dan syarat yang dianggap sesuai oleh pihak Bank, kepada sebarang institusi kewangan, firma guaman, pemaju, penjual, pembina, kontraktor, arkitek atau individu lain yang bertanggungjawab untuk atau berkenaan dengan penjualan Harta tersebut atau pembinaan Harta, pada masa tersebut, dengan cara tersebut, dengan jumlah tersebut, dan ke atas kontingensi tersebut dan syarat-syarat di mana pihak Bank boleh mengikut budi bicaranya yang mutlak memutuskan, dan/atau pengeluaran progresif atau

sebaliknya berdasarkan kepada jadual pembayaran atau perubahan tersebut yang dirasakan sesuai oleh pihak Bank. Perakuan dari penerima mestilah dianggap seperti jika yang sama telah dibuat atau diberi oleh Pelanggan secara peribadi.

- (b) Pelanggan tidak akan meminta dari pihak Bank untuk menangguh atau memberhentikan pembayaran sebarang jumlah di bawah Pinjaman jika pihak Bank telah memberi akujanji kepada pihak ketiga untuk membayar Pinjaman.
- (c) Pelanggan memberi kuasa kepada Bank untuk menahan pembayaran Pinjaman jika pemaju atau penjual gagal untuk melaksanakan kewajipan kepada mana-mana institusi kewangan atau jika pihak Bank berpendapat bahawa pemaju atau penjual atau kontraktor atau Pihak Pencagar telah melanggar sebarang perjanjian jual beli atau kontrak pembinaan atau Kepentingan Cagaran.
- (d) Pihak Bank tidak bertanggungjawab sama ada dari segi undang-undang atau ekuiti untuk membuat atau terus membuat sebarang pembayaran jika terjadi atau akan terjadi kejadian keingkaran dan jika mampu untuk diremedikan dan tidak diremedikan dalam masa tujuh (7) hari selepas notis secara bertulis oleh pihak Bank kepada Pelanggan.
- (e) Pelanggan mesti menanggung rugi pihak Bank bagi semua kos, perbelanjaan, tuntutan dan permintaan yang telah dilakukan ke atas Bank berikutan kepada Bank, atas permintaan Pelanggan yang telah memberi akujanji atau perjanjian secara nyata atau tersirat kepada mana-mana institusi kewangan atau pemaju atau penjual atau peguam mereka atau firma guaman yang bertindak bagi mana-mana pihak mereka.

### 3.4 Tarikh Luput Penggunaan Pinjaman

Tiada pembayaran dibuat selepas Tarikh Luput Penggunaan Pinjaman.

## 4 FAEDAH

### 4.1 Kadar Faedah Semasa atas Pelepasan Separa

- (a) Faedah pada Kadar Faedah Semasa dan dikenakan berdasarkan kepada asas baki harian berkaitan kepada baki tunggakan harian atas Akaun Pilihan hendaklah didebitkan daripada Akaun Pilihan pada hari terakhir di setiap bulan kalender.
- (b) Pelanggan mesti membayar faedah di atas pada hari pertama bulan calendar seterusnya, jika gagal:-
  - (i) jumlah faedah terakru akan mengakibatkan tuntutan faedah ingkar pada Kadar Ingkar;
  - (ii) jumlah faedah terakru seperti yang dirujuk kepada Klaus 4.1 (b)(i) di atas, mesti membentuk sebahagian daripada jumlah baki tertunggak di bawah Akaun Pinjaman dan mesti dikenakan dengan faedah pada Kadar Faedah Semasa;
  - (iii) pihak Bank berhak menolak mana-mana permohonan untuk pembayaran

---

seterusnya tanpa bertanggungjawab terhadap sebarang akibat kerugian.

**4.2 Kadar Faedah Semasa ke atas Pelepasan Penuh.**

- (a) Faedah mesti didebitkan ke dalam Akaun Pinjaman berdasarkan asas baki harian pada Kadar Faedah Semasa.
- (b) Pengiraan dan kiriman faedah dilakukan pada tengah malam tidak kira sama ada tarikh pengiraan faedah atau hari terakhir bagi bulan kalender jatuh pada hari minggu atau cuti umum atau cuti perbankan.

**4.3 Pengiraan Semula atas Variasi Kadar Faedah**

Di mana kadar faedah bagi Pinjaman diubah daripada satu tarikh selain daripada akhir bulan (selepas ini dikenali sebagai “Tarikh Perubahan Faedah”), maka faedah mesti dikenakan seperti berikut:-

- (a) Kadar faedah yang lama mesti terus digunakan dari permulaan akhir bulan sebelumnya, sehingga hari sebelum Tarikh Perubahan Faedah; dan
- (b) Bagi baki bulan tersebut, kadar faedah yang baru mesti dihitung semula ke atas jumlah di dalam akaun kepada debit Akaun Pinjaman pada bulan akhir seterusnya dan dimasukkan secara bulanan kepada Akaun Pinjaman dalam cara yang sama seperti yang disediakan sebelumnya.

**4.4 Faedah untuk Sebahagian Bulan**

Di mana faedah dihitung mengikut jumlah hari yang kurang daripada sebulan, maka faedah, mesti dihitung mengikut jumlah hari sebenar yang terdapat di dalam bulan tersebut.

**4.5 Faedah Atas Pinjaman Wang Prinsipal**

Faedah pinjaman termasuk faedah atas pinjaman wang prinsipal yang mesti pada setiap akhir bulan dipermodalkan dan ditambah untuk semua tujuan Pinjaman kemudiannya terhutang, dan dengan itu mesti menanggung faedah pada Kadar Faedah Semasa walaupun hubungan pembiaya-pelanggan telah tamat. Tanpa mengira sama ada terdapat faedah atas pinjaman wang prinsipal, Pelanggan mesti membayar faedah secara bulanan.

**4.6 Kadar Faedah Ingkar**

- (i) Faedah ingkar pada Kadar Ingkar mesti dikenakan mengikut keadaan yang dinyatakan di dalam Surat Tawaran, sebelum dan juga selepas penghakiman, dan faedah ingkar yang mesti dibayar oleh Pelanggan sebagai hak di bawah maksud Seksyen 11(b) Akta Undang-Undang Sivil 1956, dan mesti mengikut kadar sebaliknya dipersetujui di bawah Seksyen 16 (i) di dalam Akta Mahkamah Kehakiman 1964.
- (ii) Caj-caj di atas adalah sebagai tambahan dan tanpa prejudis ke atas kuasa, hak dan remedai yang tersedia kepada Bank dan dikenakan dari tarikh ia menjadi luput kepada tarikh pembayaran sebenar.

Tanpa mengira perkara di atas, pihak Bank mempunyai hak untuk mengenakan caj faedah ingkar pada kadar yang mana Bank boleh mengikut budi bicaranya menyatakan, dan pernyataan bertulis yang ditandatangani oleh pegawai Bank tentang kadar dan/atau jumlah faedah ingkar dibayar akan menjadi keterangan kukuh tentang kadar dan/atau jumlah faedah ingkar yang perlu dibayar oleh Pelanggan.

#### 4.7 Variasi Kadar Faedah dan Caj-Caj Lain

- (i) Pihak Bank mempunyai budi bicara untuk mengubah Kadar Faedah Semasa dan/atau caj-caj bank lain (sama ada dengan mengubah BLR atau BR atau margin atau pengagihan di atas BLR atau BR atau kedua-duanya atau dengan cara atau kaedah pengiraan atau mengenakan caj atau sebagainya) dengan cara berikut:-

##### (a) Variasi BLR atau BR

Dengan memaparkan notis umum tentang tarikh tertentu variasi mula berkuatkuasa di premis Bank ataupun di laman sesawang ; dan/atau

##### (b) Variasi Pengagihan atau Margin Melebihi BLR tau BR dan/atau Caj Bank Yang Lain

Dengan menyampaikan notis bertulis (tiada tandatangan diperlukan jika dihantar dengan nasihat yang dikeluarkan komputer) dengan pos biasa atas risiko Pelanggan ke alamat terakhir Pelanggan dan notis tersebut mesti dianggap sebagai diterima tiga (3) hari selepas tarikh dipos. Variasi mesti bermula dari tarikh yang dinyatakan di dalam notis (di mana tarikh tersebut mungkin telah berlalu, variasi mesti dikuatkuasa secara retrospektif)

- (ii) Pelanggan mestilah tidak dilepaskan daripada membuat pembayaran pada Kadar Faedah Semasa yang baru dan/atau caj bank jika Bank gagal memberikan Notis tersebut.
- (iii) Keputusan Bank adalah muktamad dan tidak boleh dipersoalkan pada bila-bila masa.
- (iv) Jika dan bila sahaja terdapat perubahan pada Kadar Faedah Semasa dan/atau caj bank yang lain, pihak Bank mempunyai budi bicara sepenuhnya untuk membuat pengubahsuaian yang sesuai akibat kepada variasi tersebut sama ada dengan mengubah jumlah ansuran atau mengubah bilangan ansuran atau kedua-duanya sekali.

#### 4.8 Seksyen 8 (2A) Akta Insolvensi

Peminjam dan Pihak Penjamin bersetuju untuk membayar Kadar yang Ditetapkan dan/atau Kadar Ingkar sekiranya Bank tidak menuntut Faedah Jaminannya dalam masa dua belas (12) bulan dari tarikh perintah muflis yang mengesahkan Peminjam sebagai individu bankrap.

### 5 PEMBAYARAN BALIK

#### 5.1 Pembayaran Balik

- 
- (i) Pelanggan mesti membayar balik pinjaman secara ansuran seperti jumlah yang telah ditetapkan di dalam Surat Tawaran. Melainkan dinyatakan sebaliknya di dalam Surat Tawaran, ansuran pertama mesti bermula pada hari pertama bulan berikutnya selepas pelepasan penuh Pinjaman atau Tarikh Luput Pengeluaran yang mana satu lebih awal dan mesti dibayar sebelum atau mengikut Tarikh Pembayaran Semula secara bulanan
  - (ii) Pihak Bank mempunyai hak untuk mengubah ansuran bulanan di atas pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa sekarang dan / atau pada masa akan datang kerana apa-apa sebab sekalipun, termasuk tetapi tidak terhad kepada perubahan dalam Kadar Faedah Semasa, untuk memastikan jumlah tertunggak dibayar dengan penuh pada Tarikh Akhir Pembayaran Balik (hari yang mesti dimaklumkan kemudian oleh Bank sebagai hari di mana jumlah keseluruhan tunggakan di bawah Pinjaman mesti dipenuhi oleh bayaran ansuran terakhir seperti yang diperlukan dan dibuat berikutan kepada Klausu ini.
  - (iii) Pihak Bank boleh melanjutkan jangkamasa kepada tempoh seterusnya tertakluk kepada terma dan syarat yang ditentukan oleh Bank.
  - (iv) Tanpa mengira perkara di atas, pembayaran penuh mesti dibuat atas penerimaan tuntutan oleh Bank.

## 5.2 Pra-pembayaran

Kecuali dinyatakan sebaliknya dalam Surat Tawaran, peruntukan pra- pembayaran berikut adalah terpakai:

- (a) Pelanggan boleh, dengan keizinan Bank dan dengan membayar caj seperti yang dinyatakan dalam Klausu 5.2 (c) di bawah, pra-bayar Pinjaman yang terhutang atau sebahagian Pinjaman Terhutang dengan memberi notis selama tiga (3) bulan menyatakan bahawa wang penebusan dan keterangan yang menyakinkan Bank bahawa semua pemberian kuasa yang diperlukan untuk penebusan telah didapatkan tanpa syarat.
- (b) Bank boleh mengenakan faedah tambahan jika Pelanggan gagal membayar wang penebusan dalam tempoh untuk penebusan.
- (c) Sebagai balasan untuk keizinan Bank, dan jika dinyatakan di dalam Surat Tawaran, Pelanggan mesti membayar sebarang caj pra-pembayaran yang dinyatakan di dalam Surat Tawaran, dengan cara dan/atau keadaan yang dinyatakan dalam Surat Tawaran.
- (d) Bank mempunyai hak untuk mengubah terma Klausu 5.2 (a) di atas seperti yang tercatat di dalam Surat Tawaran dan/atau Syarat Istimewa di Jadual 2 di sini.

## 5.3 Penebusan

Jika dinyatakan dalam Surat Tawaran, Pelanggan mesti membayar yuran penebusan pada kadar yang dinyatakan dalam Surat Tawaran jika Pinjaman telah dilepaskan sepenuhnya, ditamatkan atau ditebus oleh mana-mana pihak, dalam jangkamasa yang dinyatakan dalam Surat Tawaran.

## 6. PEMBAYARAN

- 
- 6.1 Semua pembayaran di bawah Perjanjian ini mesti dibuat pada atau sebelum Tarikh Pembayaran Balik bulanan. Klausu ini mesti tidak digunakan untuk prapembayaran yang dibuat di bawah Klausu 5.2 seperti di atas.
  - 6.2 Sebarang pra-bayaran yang dibuat boleh diaplikasikan terhadap obligasi pembayaran Pelanggan dalam tempoh kematangan yang terkemudian.
  - 6.3 Semua pembayaran mesti dibuat dalam Ringgit Malaysia dan di dalam dana segera yang tersedia.
  - 6.4 Semua pembayaran mesti dibuat tanpa penolakan, tuntutan balas dan sebarang pemotongan atau apa sahaja.
  - 6.5 Walau apa pun peruntukan lain yang terkandung di sini, Pelanggan bertanggungjawab terhadap apa-apa cukai yang perlu dibayar yang berkaitan atau yang timbul daripada Perjanjian atau Pinjaman / produk ini atau mana-mana perkhidmatan yang berkaitan dengannya.
  - 6.6 Bank boleh mendebit Akaun Pinjaman sebagai pendahuluan kepada Pelanggan, untuk membayar semua cukai tanah, taksiran, premium, yuran, komisyen, kos guaman (kedua-dua pihak dan kos peguamcara serta kos klien), penilaian dan/atau sebarang caj lain yang tertunggak dan dibayar di bawah Perjanjian ini. Sebarang pendahuluan yang dibuat di bawah Klausu ini mesti dibayar balik dalam masa empat belas (14) hari selepas notis diberikan oleh Bank. Faedah pada Kadar Faedah Semasa mesti dikenakan untuk semua pendahuluan.

## 7. REPRESENTASI DAN WARANTI

- 7.1 Pelanggan dengan ini membuat representasi dan memberi jaminan kepada Bank bahawa:-
  - (i) Pelanggan mempunyai kuasa penuh untuk memasuki dan melaksanakan obligasi Pelanggan di bawah Perjanjian ini.
  - (ii) Penerimaan Pinjaman mesti tidak merangkumi kejadian ingkar di bawah mana-mana perjanjian Pelanggan dengan pihak ketiga atau bertentangan dengan sebarang undang-undang atau peraturan atau perintah di mana Pelanggan merupakan pihak tersebut.
  - (iii) Tiada prosiding undang-undang dan/atau kebankrapan atau pembubaran atau prosiding insolvensi yang diancam atau belum selesai terhadap Peminjam dan/atau mana-mana Pihak Penjamin atau Peminjam dan/atau mana-mana Pihak Penjamin bukannya individu muflis atau dibubarkan atau bankrap atau Peminjam dan/atau mana-mana Pihak Penjamin tidak melanggar mana-mana perintah mahkamah atau penghakiman atau Peminjam dan/atau mana-mana Pihak Penjamin tidak membuat atau mencadangkan untuk bersetuju dengan mana-mana aturan sukarela dengan pemutang masing-masing atau tidak ada penerima dan/atau pengurus yang dilantik untuk mengambil alih aset Peminjam dan/atau mana-mana aset dan/atau apa-apa perniagaan Pihak Penjamin atau tidak ada permohonan yang dibuat atau belum selesai oleh mana-mana orang untuk suatu perintah bagi Peminjam dan/atau mana-mana Pihak Penjamin untuk diletakkan di bawah pengurusan kehakiman dan untuk pelantikan seorang pengurus kehakiman atau tidak ada bentuk pesetujuan bagi aturan atau komposisi (secara sukarela atau sebaliknya) atau dicadangkan untuk dipersetujui oleh Peminjam dan/atau mana-mana Pihak Keselamatan dengan pemutang masing-masing.

- (iv) Semua maklumat yang diberikan dan perisyiharan yang dibuat kepada Bank adalah benar dan tidak meninggalkan sebarang fakta yang boleh mempengaruhi keputusan Bank daripada memberikan Pinjaman ini.
- (v) Tiada pelanggaran mana-mana peruntukan yang terkandung dalam IFSA atau mana-mana undang-undang yang sedia ada, kehendak peraturan atau arahan atau garis panduan yang dikeluarkan atau mungkin dari semasa ke semasa dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia berkaitan dengan pemberian kemudahan amnya atau pemberian kemudahan kepada orang yang berkaitan dengan Bank (' Undang-Undang atau Garis Panduan ')
- (vi) Pelanggan dan/atau Pihak Pencagar ialah/adalah atau mesti menjadi pemilik benefisial Harta tersebut.
- (vii) Bahawa pada tarikh Perjanjian ini, tiada apa-apa sekatan ke atas Harta kecuali yang telah dinyatakan di dalam Kepentingan Cagaran.

7.2 Setiap representasi dan waranti di atas mesti berterusan semasa jangkamasa Perjanjian ini.

## 8. KEINGKARAN

### Kejadian

Setiap kejadian berikut adalah kejadian keingkaran:-

- (a) Kegagalan Pelanggan untuk mematuhi tuntutan Bank dalam jangkamasa yang dinyatakan dalam tuntutan.
- (b) Kegagalan Pelanggan untuk membayar ansuran bulanan, faedah, faedah ke atas pinjaman wang prinsipal, faedah ingkar dan/atau caj lain dalam jangkamasa yang dinyatakan.
- (c) Kegagalan oleh Pelanggan untuk mematuhi dengan mana-mana bahagian terma dan/atau syarat dalam Perjanjian ini.
- (d) Jika terdapat sebarang misrepresentasi dalam sebarang bentuk oleh Pelanggan dan/atau jika Bank menemui maklumat yang mungkin mempengaruhi keputusan Bank untuk memberikan Pinjaman dan/atau jika Bank mempunyai sebarang sebab untuk mempercayai bahawa maklumat yang diberikan atau perisyiharan yang dibuat kepada Bank adalah palsu, tidak benar atau mengelirukan.
- (e) Kegagalan Pihak Pencagar untuk mematuhi mana-mana bahagian terma dan/atau syarat Kepentingan Cagaran.
- (f) Jika terdapat sebarang projek pembinaan perumahan dan/atau pembinaan sebarang harta dan/atau bangunan, dan atau sebarang bentuk projek pembinaan, yang melibatkan sebarang Harta yang dibiayai di bawah Pinjaman, ditangguhkan, ditinggalkan atau tidak disambung.

- 
- (g) Sesuatu keadaan yang terjadi mengikut pandangan bank mungkin berbahaya, menangguh atau menghalang Pelanggan atau Pihak Pencagar daripada menunaikan obligasi atau mengancam hak Bank.
  - (h) Pelanggaran mana-mana Undang – Undang atau Garis Panduan oleh Pelanggan.
  - (i) Kegagalan Pelanggan untuk mematuhi peruntukan kemudahan lain yang diberi oleh Bank atau pihak ketiga kepada Pelanggan.
  - (j) Kepentingan Cagaran tidak boleh disempurnakan
  - (k) Jika ia menjadi mustahil atau menyalahi undang-undang untuk Bank atau Pelanggan untuk menjalankan obligasi di bawah Perjanjian ini.
  - (l) Sebarang langkah dan / atau prosiding diambil untuk kebankrapan atau pembubaran atau insolvensi atau sebarang cadangan persetujuan secara sukarela yang dibuat atau dicadangkan untuk dipersetujui oleh Pelanggan dan / atau mana-mana Pihak Penjamin kepada pemutang masing-masing atau penerima dan / atau pengurus yang dilantik untuk mengambil alih mana-mana aset dan / atau perniagaan Peminjam dan/atau Pihak Penjamin atau mana-mana permohonan dibuat atau dicadangkan dibuat oleh mana-mana orang untuk memerintahkan bahawa Pelanggan dan / atau mana-mana Pihak Penjamin diletakkan di bawah pengurusan kehakiman dan untuk pelantikan seorang pengurus kehakiman atau Pelanggan dan / atau mana-mana Pihak Penjamin bersetuju atau bercadang untuk bersetuju dengan sesuatu aturan atau komposisi (secara sukarela atau sebaliknya) dengan pemutang masing-masing.
  - (m) jika Kemudahan diberikan untuk tujuan pembiayaan pembelian Harta dalam pembinaan, pemaju dan / atau pemilik Harta digulung atau prosiding penggulungan terancam atau belum selesai atau penerima dan / atau pengurus dilantik untuk mengambil alih aset dan / atau perniagaan pemaju itu dan / atau tuan punya atau apa-apa permohonan dibuat atau dicadangkan dibuat oleh mana-mana orang untuk suatu perintah bagi pemaju dan / atau pemilik diletakkan di bawah pengurusan kehakiman dan untuk pelantikan seorang pengurus kehakiman atau pemaju dan / atau pemilik masuk atau mencadangkan untuk masuk ke dalam apa-apa bentuk susunan atau komposisi (secara sukarela atau sebaliknya) dengan pemutang pemaju dan / atau pemunya.
  - (n) Jika mana-mana Pihak Pencagar dan/atau Pelanggan dan atau mana- mana Pelanggan (contoh: di mana Pelanggan merupakan lebih dari seorang) meninggal atau menjadi tidak sempurna akal (gila).
  - (o) Jika apa-apa jumlah wang itu hendaklah kena dibayar oleh Pelanggan dan atau mana-mana Pihak Pencagar dan atau mana-mana penjamin (secara kolektif, "Penanggung Obligasi") kepada Bank dan atau mana-mana pihak ketiga yang lain dari semasa ke semasa atau pada bila-bila masa atau jika mana-mana Penanggung Obligasi mungkin atau menjadi bertanggungan kepada Bank mana-mana sahaja di mana-mana perbankan, pinjaman, apa-apa kemudahan kredit lain atau mana-mana akaun semasa lain atau cara lain ("Akaun-Akaun") atau dalam apa-apa jua cara lain termasuk tetapi tidak terhad kepada liabiliti mana-mana Penanggung Obligasi yang ditanggung kepada Bank sebagai surety atau penjamin atau jika berlaku keingkaran berhubung dengan apa-apa peruntukan

---

berkaitan akaun-akaun.

## 8.2 Akibat

- (i) Apabila berlaku mana-mana kejadian atau kesemua kejadian keingkaran, pihak Bank mempunyai hak untuk menarik balik dan/atau menggantung Pinjaman, Pelanggan mesti membayar semula semua jumlah tertunggak di bawah Pinjaman ini, dan Bank boleh menggunakan semua hak dan remedii di bawah undang-undang dan ekuiti.
- (ii) Tanpa mengira Klausa 8.2(i) di atas, Bank mempunyai hak untuk mengubah Kadar Faedah Semasa seperti yang dinyatakan di dalam Surat Tawaran atau kadar lain di mana Bank boleh mengikut budibicaranya menetapkan dari semasa ke semasa jika Pelanggan gagal untuk membayar ansuran bulanan, faedah, faedah atas pinjaman wang prinsipal, faedah ingkar dan caj-caj lain.

## 8.3 Remedi Dijalankan Secara Serentak

- (a) Bank mempunyai hak untuk menjalankan remedii secara serentak, termasuk mendapatkan semua remedii penjualan atau realisasi cagaran dan tindakan sivil untuk mendapatkan jumlah tertunggak.
- (b) Penggunaan hak-hak di atas tidak akan menyebabkan Bank tertakluk kepada sebarang tuntutan untuk kerugian yang tidak disengajakan.
- (c) Pelanggan mesti membayar kepada Bank semua perbezaan antara keterhutangan dan hasil bersih penerusan penjualan Harta.

## 9 CAGARAN

- 9.1 Pelanggan mesti menyediakan atau mesti memastikan bahawa Pihak Cagaran menyediakan Kepentingan Cagaran dan surat kuasa wakil melantik Bank atau mana-mana individu yang diberi kuasa oleh Bank, sebagai wakil kuasa Pelanggan dan/atau Pihak Cagaran dan dalam nama dan bagi pihak Pelanggan dan/atau Pihak Pencagar, untuk berurusan dengan Harta, dengan menyempurnakan borang-borang seragam yang ditetapkan oleh Bank.
- 9.2 Pihak Bank mempunyai hak untuk meminta gantian Kepentingan Cagaran atau tambahan cagaran, dan Pelanggan mesti mematuhi permintaan dengan menyempurnakan semua borang (borang-borang) seragam yang ditetapkan oleh Bank dan semua kos akan ditanggung oleh Pelanggan.
